

**Yamtuan Saran Laksana Langkah Pragmatik Agar Adat Perpatih Kekal Relevan  
Bernama  
07 Julai, 2012**

KUALA PILAH, 7 Julai (Bernama) -- Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir hari ini menyarankan agar langkah yang pragmatik dikenal pasti dan dilaksanakan agar warisan adat Perpatih tidak dilihat sebagai terpakai hanya untuk tujuan atau sesuatu majlis tertentu sahaja.

Titah baginda adat yang disanjung dan sinonim dengan negeri ini itu juga tidak seharusnya dibiarkan terus berada ditakuk lama tanpa memberikan ruang untuk ia berkembang bersesuaian dengan peredaran zaman.

"Ia juga perlu dibuktikan sebagai pemangkin utama bagi menangani masalah gejala sosial yang melanda masyarakat pada hari ini, seperti penyalahgunaan dadah, kerapuhan nilai-nilai murni, serta kelunturan budi bahasa dan keruntuhan institusi kekeluargaan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian semasa berkenan mencemar duli merasmikan Pesta Persukuan Adat Perpatih 2012, di Seri Menanti di sini hari ini.

Titah baginda acara seperti pesta tersebut yang diadakan saban tahun juga, wajib dijadikan titik tolak dan medan percambahan pemikiran untuk setiap pihak merangka strategi serta pendekatan yang terbaik.

Ini akan memastikan asas nilai tradisi yang positif yang terkandung di dalam adat tersebut tidak diwariskan hanya pada nama dan tujuan tertentu sahaja, tetapi melalui pengisian serta amalan yang menyeluruh di dalam aspek kehidupan, titah baginda.

"Beta yakin, sekiranya perkara ini diberi keutamaan oleh semua pihak, adat Perpatih akan terus kekal relevan untuk diwariskan kepada generasi akan datang," titah baginda.

Pesta dua hari bermula hari ini yang bertemakan 'Adat Perpatih Warisan Sepanjang Zaman' itu diadakan bagi memastikan budaya adat Melayu terutama adat perpatih, dapat dikekalkan dan diwarisi generasi baru selain meningkatkan semangat budaya Melayu dalam diri mereka.

Turut berangkat ke majlis yang diadakan di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti itu adalah Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Hadir sama, Undang Luak Sungai Ujong Datuk Mubarak Dohak, Undang Luak Jelebu Datuk Musa Wahab, Undang Luak Johol Datuk Mohd Jan Abdul Ghani, Undang Luak Rembau Datuk Muhamad Sharip Othman, Tunku Besar Tampin Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri dan Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678794>